

SYARAT – SYARAT TAMBAHAN

Syarat-syarat Tambahan ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat Am kontrak:

1. TEMPOH KONTRAK

- 1.1 Tempoh kontrak adalah untuk **dua (2) tahun** dan tempoh perlanjutan tidak melebihi 2 tahun. Walaubagaimanapun bagi tempoh kontrak perkhidmatan ini ia bergantung kepada mutu perkhidmatan dan kualiti makanan yang disediakan oleh pihak syarikat.
- 1.2 Tempoh percubaan bagi perjanjian kontrak di atas adalah bagi tempoh **dua (2) bulan**.

2. GARIS PANDUAN DAN BAHAN RUJUKAN

- 2.1 Pengendalian, penyimpanan dan penyediaan makanan perlu dikendalikan mengikut tatacara seperti di dalam garis panduan berikut:
 - a) Code of Practice Food Hygiene
 - b) Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985

3. PENJAGAAN KANTIN

- 3.1 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab terhadap segala kerosakan kelengkapan dan peralatan di dalam bangunan yang disewa termasuk menyelenggara tangki simpanan sisa makanan.
- 3.2 Kontraktor tidak boleh mewakilkan atau menyewakan atau melepas sewaan kantin kepada sesiapa pun tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada kerajaan.
- 3.3 Kontraktor adalah **bertanggungjawab sepenuhnya ke atas bil-bil utiliti** seperti bekalan elektrik dan bekalan air. Kontraktor hendaklah memastikan pembayaran bil-bil diselesaikan dalam masa yang ditetapkan.
- 3.4 Semua pekerja yang dilantik hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan beragama Islam. Bagi pekerja bukan warganegara, kontraktor **wajib** memastikan pekerja mempunyai permit bekerja yang sah daripada Jabatan Imigresen Malaysia.

4. **PENYEDIAAN DAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN**

- 4.1 Makanan yang dihidangkan hendaklah HALAL dan tidak berlawanan dengan kehendak-kehendak agama Islam dan disediakan mengikut peraturan-peraturan kesihatan yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti yang terdapat dalam garis panduan di para 2.1 (a-b). **Bagi tujuan tersebut, kontraktor hendaklah memohon mendapatkan Sijil Pengesahan Halal daripada Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor dalam masa enam (6) bulan daripada tarikh permulaan kontrak.**
- 4.2 Kontraktor hendaklah menyediakan dan mempamerkan menu dan harga bagi setiap hidangan serta mendapat kelulusan pihak pengurusan jabatan untuk makluman pelanggan.
- 4.3 Kontraktor hendaklah memastikan penjualan makanan dan minuman di premis adalah pada harga yang berpatutan.
- 4.4 Menu perlu mempunyai pilihan selera yang pelbagai. Kontraktor dinasihatkan mematuhi senarai menu seperti di **Jadual Harga Makanan & Minuman**.
- 4.5 Kontraktor perlu memastikan makanan dihidang dengan bersih, menarik serta mempunyai suhu yang sesuai iaitu makanan panas dihidang dengan panas ($> 65^{\circ}\text{c}$) dan makanan sejuk dihidang dengan sejuk ($3^{\circ}\text{c} - 10^{\circ}\text{c}$).
- 4.6 Barang-barang dapur, alat-alat memasak, pinggan mangkuk dan tempat-tempat menyimpan bahan makanan dan perkakas memasak hendaklah semuanya digunakan bagi tujuan memasak makanan yang halal sahaja.
- 4.7 Kontraktor hendaklah memastikan bekalan peralatan hidangan adalah mencukupi, berkeadaan bersih dan bersesuaian untuk kegunaan pelanggan.
- 4.8 Kontraktor hendaklah menyediakan kemudahan bekas yang sesuai bagi pelanggan yang ingin membawa makanan dan minuman keluar daripada premis.
- 4.9 Barang-barang yang tidak halal, sama ada mentah, bermasak atau diproses, adalah dilarang dibawa masuk ke dalam Kantin.
- 4.10 Kontraktor hendaklah menjaga kebersihan kantin dan persekitarannya pada setiap masa dan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

- 4.11 Kontraktor hendaklah mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak jabatan dari semasa ke semasa berhubung dengan kebersihan premis, penyediaan dan penjualan makanan dan minuman dan apa-apa perkara lain yang berkaitan.
- 4.12 Kontraktor diwajibkan menyediakan makanan dan minuman untuk program-program di Masjid Negeri sekiranya diarahkan.

5. WAKTU PERKHIDMATAN

- 5.1 Kontraktor hendaklah memastikan premis dibuka pada setiap hari bekerja dan pada hari-hari yang ditetapkan oleh jabatan dari **7.00 pagi hingga 10.00 malam**.
- 5.2 Sebarang urusan niaga hendaklah dihentikan 10 minit sebelum azan dan disambung semula selepas selesai solat bagi menghormati waktu solat.

6. PEKERJA KONTRAKTOR

- 6.1 Kontraktor bertanggungjawab ke atas setiap pekerja dan kakitangannya yang mengurus dan mengendalikan premis. Pekerja hendaklah mempunyai **surat sah suntikan TY2** dan sihat tubuh badan. Mereka yang tiada surat ini dilarang bertugas di kantin. **Bukti pengesahan hendaklah dilampirkan sekiranya tawaran ini berjaya diterima.**
- 6.2 Kontraktor hendaklah memastikan pekerjaannya **tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah**. Pekerja hendaklah berpakaian dan berkelakuan sopan bagi melambangkan imej jabatan sebagai institusi agama.

7. TANGGUNG RUGI

- 7.1 Pengusaha Kantin bersetuju dengan kerajaan bahawa-
- a) Pengusaha kantin akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengusaha Kantin dan, melepaskan kerajaan sepenuhnya sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang, dari apa-apa tuntutan dan tanggungan daripada apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan, kehilangan atau kematian yang terbit daripada Pengusaha Kantin oleh Pengusaha Kantin di bawah Perjanjian ini dan Kerajaan, kerugian, kerosakan, kehilangan atau kematian itu;
- b) Pengusaha Kantin hendaklah menanggung rugi Kerajaan daripada apa-apa tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan, kehilangan, ganti rugi dan kos yang ditanggung atau mungkin menjadi tanggungan Kerajaan berikut atau terbit dari –

Kecuaian dalam penggunaan atau salah guna atau, penyelewengan oleh pengusaha kantin atau wakil, pekerja dan ejennya;

DAN

Apa-apa kehilangan, kerosakan atau kerugian harta atau kecederaan berikutan dari pelaksanaan Perjanjian ini.

8. **PENAMATAN PERJANJIAN**

8.1 Kerajaan berhak menamatkan perjanjian ini dengan mengemukakan notis bertulis **tiga puluh (30) hari** tentang niatnya untuk menamatkan perjanjian jika :-

Kontraktor melanggar mana-mana syarat perjanjian;

ATAU

Perkhidmatan kontraktor yang diberikan tidak memuaskan;

DAN

Telah diberi surat peringatan sebanyak **tiga (3) kali**.

8.2 Jika kontraktor gagal untuk meremеди pelanggaran syarat-syarat perjanjian yang berkaitan atau meningkatkan perkhidmatan ke suatu taraf yang memuaskan, maka Kerajaan boleh menamatkan perjanjian dengan mengemukakan notis penamatan secara bertulis yang berkuatkuasa dari tarikh notis itu.

8.3 Kerajaan juga berhak menamatkan perjanjian sekiranya kontraktor gagal untuk mendapatkan Sijil Pengesahan HALAL dalam tempoh yang ditetapkan.

8.4 Kontraktor yang menarik diri sebelum tamat tempoh kontrak adalah tidak layak menerima pulangan deposit dan akan disenaraihitamkan daripada kalangan senarai pembekal.

9. **PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

9.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

9.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

- 9.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 9.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkeñaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

**JADUAL HARGA MAKANAN & MINUMAN
BAGI KANTIN MASJID SULTAN SALAHUDDIN
ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM
(GERAI 1 – NASI CAMPUR)**

Sarapan	:	7.00 pagi – 10.30 pagi
Makan tengahari	:	10.30 pagi – 3.00 petang
Minum petang	:	3.00 petang – 6.00 petang
Makan malam	:	6.00 petang – 10.00 malam

Menu harian (Wajib)

BUTIRAN		HARGA (RM)
Nasi lemak bungkus		
Nasi lemak dan lauk		
	Biasa (ikan bilis, timun & telur rebus)	
	+ Telur goreng	
	+ Kerang	
	+ Sotong	
	+ Ayam	
	+ Udang	
Mi / Bihun / Kue Teow / Spagetti / Maggie Goreng		

BUTIRAN		HARGA (RM)
Soto		
	Biasa (ayam / daging)	
	+ Bergedil (sekeping)	
Laksa asam (telur separuh & sayur)		

BUTIRAN		HARGA (RM)
Nasi putih kosong		

BUTIRAN	HARGA (RM)	
	Goreng / Rebus	Berkuah / Sambal
Telur rebus		
Telur mata		
Telur dadar		
Telur puyuh		

BUTIRAN	HARGA (RM)	
	Goreng / Rebus	Berkuah / Sambal
Ayam (100g)		
Daging (100g)		
Paru (100g)		
Sotong (100g)		
Udang (100g)		
Tenggiri / Bawal / Merah (100g)		
Kembung / Selar / Kerisi (100g)		
Keli / Talapia (120g)		
Ketam (120g)		
Siput sedut / Lala / Kerang (120g)		
Sardin (100g)		

BUTIRAN	HARGA (RM)	
	Goreng / Rebus	Berkuah / Sambal
Kerabu sayur		
Pajeri nenas		
Ulam (Petai / Kacang botol / Timun / Ulam raja / Jantung pisang) + sambal		
Tahu / Tempe		
Kentang		
Ikan Masin		
Telur asin		
Kangkung / sawi / bayam / kacang panjang		
Kacang buncis / bendi / terung		
Pucuk ubi / pucuk paku / Pucuk manis		
Kobis		
Kailan		
Sayur campur		

BUTIRAN	HARGA (RM)
Karipap / Donat / Pau sambal / Cucur badak / Pulut panggang	
Pisang / Keledek / Ubi goreng	
Keropok lekor	
Talam / Ketayap / Lapis / Kasturi / Lepat / Serimuka / Apam	
Aneka bubur (dalam bekas)	
Roti jala & kari	
Lain-lain pencuci mulut (Nyatakan)	

Menu Sampingan (Sekurang-kurangnya 3 kali seminggu)

BUTIRAN	HARGA (RM)
Nasi briyani / tomato / dll (kosong)	
Nasi briyani / tomato (ayam, sayur & dalca)	
Nasi dagang	
Kari ikan	
Kari ayam	
Nasi kerabu	
Biasa (keropok & ulam)	
+ Telur asin	
+ Solok lada	
+ ikan	
+ Ayam	
+ Daging	

BUTIRAN	HARGA (RM)
Bakso	
Laksam	